

18/01/2001

Sejarah penyusunan semula Kabinet sepanjang 20 tahun

Kadir Dikoh

PENGUMUMAN beberapa nama dalam pentadbiran kerajaan Barisan Nasional (BN) semalam, tidak boleh dianggap satu rombakan Kabinet. Ia adalah proses biasa untuk meneruskan usaha kerajaan bagi memantapkan lagi jentera pentadbirannya.

Ini kerana tidak ada menteri digugurkan atau menteri yang bertukar portfolio.

Kecuali Datuk Shahrizat Abdul Jalil yang dilantik menteri penuh menerajui Kementerian Hal Ehwal Wanita dan tokoh agama, Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan dua lagi timbalan menteri dan seorang Setiausaha Parlimen adalah bagi mengisi kekosongan.

Kewujudan Kementerian Hal Ehwal Wanita memang sudah ditimbulkan sebelum ini. Malah, pelantikan Shahrizat bukan sesuatu yang memeranjatkan kerana sebelum ini pun namanya disebut-sebut untuk dinaikkan pangkat.

Begitu juga dengan pelantikan Abdul Hamid. Beliau disebut-sebut menggantikan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman yang meletakkan jawatan. Beliau adalah antara tiga nama disebut-sebut untuk mengisi kekosongan itu.

Begitu juga dengan Senator Datuk Tengku Adnan Tengku Mansor yang dilantik Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, manakala Senator Datuk M Kayveas sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Malah, nama Senator Datuk Zainuddin Maidin untuk dilantik Setiausaha Parlimen Kementerian Penerangan juga sudah tersebar sejak akhir Disember lalu.

Mengimbu sepanjang 20 tahun menerajui kerajaan, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad jarang membuat kejutan kecuali dalam rombakan pada 1984 dan November 1999.

Pada 14 Julai 1984, beliau memasukkan Tun Daim Zainuddin ke dalam Kabinet sebagai Menteri Kewangan, menggantikan Tengku Razaleigh Hamzah yang dipindahkan ke Kementerian Perdagangan dan Perindustrian. Ketika itu "Encik Daim" cuma popular di kalangan korporat tetapi kemudian kehadirannya dalam Kabinet terbukti memberi kesan positif.

Sekali lagi selepas pilihan raya umum ke-10 pada November 1999, apabila Dr Mahathir membawa masuk ahli akademik ke dalam Kabinet, iaitu bekas Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Tan Sri Musa Mohamad. Ini adalah kali pertama seseorang yang tidak dikaitkan dengan mana-mana parti politik dilantik menganggotai Kabinet.

Rombakan lain, tidak banyak membawa kejutan. Malah, beliau juga jarang melakukan perubahan drastik membabitkan penubuhan kementerian baru.

Dalam sekurang-kurangnya 16 rombakan atau penyusunan semula Kabinetnya sejak menjadi Perdana Menteri pada 16 Julai 1981, beliau juga amat jarang memecat anggota Kabinetnya.

Sebaliknya, yang menjadi kelaziman ialah pengunduran secara terhormat, seperti peletakan jawatan kerana mahu bersara daripada politik dan masalah kesihatan selain kerana tewas atau tidak dipilih dalam pertandingan parti dan pilihan raya umum.

Akibat kekosongan seperti itu, Perdana Menteri mencari orang baru bagi mengisi jawatan dan kebiasaannya beliau turut mengambil kesempatan menyusun semula barisan jemaah menteri.

Kecuali Datuk Seri Anwar Ibrahim yang dipecat daripada Kabinet pada 1997, dua lagi bekas Timbalan Perdana Menteri, iaitu Tan Sri Musa Hitam dan Tun Ghafar Baba meletak jawatan, masing-masing pada 1986 dan 1992.

Peletakan jawatan Datuk Paduka Dr Abdul Hamid Othman sebagai Menteri di Jabatan Perdana Menteri baru-baru ini, membuka ruang ke arah itu. Malah, kerap kali juga setiap rombakan tidak dilakukan secara besar-besaran.

Malah, kenyataan Dr Mahathir, Isnin lalu bahawa beliau tidak sewenang-wenangnya memecat menterinya kerana tindakan itu amat merugikan, mengiya kebenaran kenyataannya itu.

Mengimbau sejarah rombakan Kabinet Dr Mahathir, kebanyakan perubahan dalam Kabinet lebih berbentuk penyusunan semula jentera pentadbiran. Rombakan yang boleh dianggap besar biasanya dilakukan selepas pilihan raya umum.

Sejurus selepas mengambil alih kepemimpinan negara daripada Allahyarham Tun Hussein Onn, Dr Mahathir pertama kali menyusun semula Kabinet, iaitu pada Oktober 1981.

Ketika itu, tiada rombakan dibuat kecuali mengisi dua kekosongan apabila Menteri Undang-Undang, Tan Sri Hamzah Abu Samah meletak jawatan selepas pembedahan jantung serta Menteri Tanah dan Pembangunan Wilayah, Tan Sri Abdul Kadir Yusof yang bersara. Kementerian Undang-undang juga tidak diwujudkan lagi.

Pada masa sama, Dr Mahathir melepaskan portfolio Menteri Perdagangan dan Perindustrian kepada Tengku Ahmad Rithaudeen tetapi beliau sendiri terus mengekalkan jawatan Menteri Pertahanan.

Dalam rombakan Kabinet pertamanya pada Mei 1982 dan kemudian pada Jun 1983, Dr Mahathir juga tidak melakukan rombakan drastik. Beliau hanya mengisi beberapa kekosongan, termasuk akibat peletakan jawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Datuk Mokhtar Hashim (1983) kerana hukuman mahkamah yang dihadapinya.

Pada 1982, beliau membawa masuk muka baru, Datuk Seri Adib Adam sebagai Menteri Penerangan menggantikan Datuk Seri Mohamed Rahmat yang dihantar ke Indonesia selaku duta tetapi bertaraf menteri. Wakil tunggal parti Berjasa, Datuk Mohamed Nasir turut dibawa masuk dan diberi jawatan Menteri Tidak Berporfolio di Jabatan Perdana Menteri manakala seorang menteri baru dari Sarawak, Datuk Amar Stephen Yong dilantik menggantikan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Tan Sri Ong Kee Hui yang bersara.

Dalam rombakan 2 Jun 1983, empat menteri baru dilantik berikutan peletakan jawatan beberapa menteri serta penyusunan semula beberapa kementerian. Antara menteri baru itu ialah Anwar dan Datuk Shahrir Samad yang sebelum itu adalah timbalan menteri.

Rombakan ketika itu dilakukan apabila beberapa orang kuat MCA bersara, seperti Tan Sri Chong Hon Nyan dan Datuk Chin Hon Ngian. Datuk James Ongkili dari Sabah turut dilantik bagi menggantikan seorang lagi wakil dari negeri itu.

Kemudian rombakan pada 14 Julai 1984, berlaku sedikit kejutan apabila Daim dimasukkan ke dalam Kabinet. Dua menteri baru turut dilantik, iaitu Tan Sri Khalil Yakob (Menteri di Jabatan Perdana Menteri) dan Datuk Abu Hassan Omar (Kebajikan Masyarakat).

Dua kementerian, iaitu Kementerian Buruh dan Tenaga Manusia, dinamakan Kementerian Buruh saja, manakala Kementerian Kerjaraya dan Kemudahan, dipanggil Kementerian Kerjaraya. Kementerian Kehakiman turut diperkenalkan.

Pada Oktober 1985 pula, penyusunan kecil Kabinet dilakukan apabila wakil MIC, Datuk S Subramaniam dijadikan menteri.

Bagaimanapun, rombakan yang agak besar berlaku pada November 1986 berikutan perubahan pada jawatan nombor dua apabila Ghafar Baba dilantik menggantikan Musa selaku Timbalan Perdana Menteri. Dr Mahathir sendiri turut mengambil alih jawatan Menteri Dalam Negeri. Sembilan menteri baru turut dilantik.

Pada 1987, Kabinet sekali lagi dirombak dengan muka baru, Datuk Dr Yusof

Nor dimasukkan manakala Mohamed Rahmat dilantik semula sebagai Menteri Penerangan.

Dalam rombakan pada Mei 1987 itu, Kementerian Wilayah Persekutuan dimansuhkan dan kementerian baru diwujudkan, iaitu Kebudayaan dan Pelancongan tetapi mengasingkan kebudayaan daripada Kementerian Belia dan Sukan. Dua lagi menteri baru dilantik, iaitu Datuk Mustaffa Mohamed dari Johor dan Datuk Napsiah Omar.

Pada Jun 1989, rombakan kecil dilakukan membabitkan pertukaran beberapa portfolio, manakala muka baru daripada MCA, Datuk Lim Ah Lek dilantik Menteri Sumber Manusia, iaitu kementerian yang dinamakan semula bagi menggantikan Kementerian Buruh.

Rombakan kedua terbesar berlaku pada 1990 dengan lima menteri baru dilantik. Beberapa kementerian baru diwujudkan atau dinamakan semula, termasuk Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Pada 15 Mac 1991, empat menteri ditukarkan portfolio, termasuk Kementerian Kewangan yang diberikan kepada Anwar, manakala Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dimasukkan semula ke dalam Kabinet sebagai Menteri Luar.

Tiada perubahan Kabinet pada 1992 dan 1993 kecuali pengumuman pelantikan Anwar sebagai Timbalan Perdana Menteri melalui kenyataan akhbar pada 1 Disember 1993 dan Kementerian Kehakiman dinamakan semula sebagai Kementerian Undang-Undang pada 1 April 1992.

Namun, Kabinet dirombak pada Mei 1995 dengan pelantikan lima menteri baru, termasuk Datuk Dr Abdul Hamid Othman, Datuk Mustapa Mohamad, Tan Sri Muhyiddin Yassin (sebelum itu Menteri Besar Johor), Datin Paduka Zaleha Ismail dan Datuk Chua Jui Meng.

Tiada perubahan pada 1996 tetapi pada 1997, seorang timbalan menteri, iaitu Tan Sri Megat Junid Megat Ayob dinaikkan menjadi menteri penuh.

Kejutan sekali lagi berlaku pada 1998 berikutan pemecatan Anwar daripada Umno dan kerajaan pada September tahun itu. Jawatan Menteri Kewangan Kedua diwujudkan dengan pelantikan Mustapa ke jawatan itu, manakala jawatan Menteri Kewangan pertama dipegang oleh Dr Mahathir sendiri.

Pada Jun tahun yang sama, Daim dilantik Menteri Tugas-Tugas Khas di Jabatan Perdana Menteri. Tan Sri Kasitah Gaddam dilantik ke dalam Kabinet menggantikan Datuk Osu Sukam yang dilantik Ketua Menteri Sabah yang baru. Pada 1 November 1998, Kementerian Tenaga, Telekom dan Pos dinamakan Kementerian Tenaga, Telekomunikasi dan Multimedia.

Pada 8 Januari 1999, Abdullah diumumkan sebagai Timbalan Perdana Menteri.

Dalam rombakan pada 10 Disember 1999, iaitu selepas pilihan raya umum ke-10, Kabinet sekali lagi dirombak, tujuh muka baru antara sembilan menteri baru dilantik.

Tiga menteri digugurkan, manakala tiga lagi berpindah portfolio. Kemasukan Musa sebagai Menteri Pendidikan mengejutkan ramai pihak dan dilantik senator bagi membolehkannya memegang jawatan itu.

Daripada sembilan menteri baru, lima ialah timbalan menteri yang dinaikkan pangkat. Mereka ialah Datuk Nazri Abdul Aziz sebagai Menteri Pembangunan Usahawan; Datuk Hishammuddin Tun Hussein (Belia dan Sukan); Datuk Azmi Khalid (Pembangunan Luar Bandar); Datuk Dr Fong Chan Onn (Sumber Manusia); dan Datuk Ong Ka Ting (Perumahan dan Kerajaan Tempatan).

Sementara itu, antara yang pernah digugurkan daripada Kabinet ialah Adib dan Menteri Perusahaan Utama, Datuk Paul Leong, iaitu dalam rombakan pada 11 Ogos 1986.

Namun, beberapa menteri yang tidak dilantik semula sebelum ini turut diambil kembali ke dalam Kabinet seperti Abdullah dan Datuk Dr Rais Yatim.

Dalam beberapa rombakan sebelum ini, Dr Mahathir mengumumkannya melalui kenyataan akhbar saja, termasuk kali ini. Pernah dua kali, beliau mengumumkan rombakan selepas mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno, iaitu pada 1984 dan 1999.

(END)